

Kejayaan kepemimpinan Mahathir jadi contoh

25 JUL 1993

PERBADANAN Penylaran British (BBC) baru-baru ini mengulas Wawasan 2020 Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Dalam rancangan *Newsight*, yang mememubual pelbagai pihak, termasuk Dr Mahathir, BBC mengaitkan relevan kepesatan pembangunan ekonomi Malaysia dan Wawasan 2020 serta membandingkannya dengan kemerosotan ekonomi Britain. *Berita Minggu* menyorot saripati rancangan itu

PENYAMPAI (Jeremy Paxman): Selamat petang. Berita gembira lagi bagi kerajaan British dengan turunnya kadar pengangguran, sungguhpun pada kadar yang amat minimum. Tetapi dalam jangka masa panjang, adakah lagi berita menggembirakan apabila pencapaian ekonomi kita begitu menyedihkan berbanding pencapaian negara-negara Asia Tenggara. Bagaimana Malaysia mampu meningkatkan ekonominya dengan kadar lapan peratus setahun. Mereka mempunyai wawasan dan ia ternyata membawa hasil. Di manakah kesilapan kita?

DR MAHATHIR: Anda kehilangan arah. Anda membuang segala nilai yang anda warisi dan dalam perkara ini, anda beranggapan semua orang adalah bebas sebebas-bebasnya.

WARTAWAN (Olenka Frankiel): Perdana Menteri Malaysia, Dr Mahathir Mohamad adalah tokoh yang jarang kita temui pada hari ini, pemim-

pin yang mempunyai wawasan. Dalam tempoh 12 tahun sebagai Ketua Eksekutif Persyarikatan Malaysia, beliau membawa negara itu keluar dari belenggu Dunia Ketiga dan dianggap penyelamat ekonomi. Dan beliau masih belum selesai melakukannya.

Beliau berikrar untuk melengkapkan pembangunan negara berbilang kaum berpenduduk 18 juta ini dalam tempoh 30 tahun.

DR MAHATHIR: Kita mahukan kejayaan dalam ekonomi, kita mahu kekal sebagai negara yang ber-satu, kita mahu menjadi kuat dan kita mahu maju di bidang teknologi sebagaimana majunya negara-negara lain.

WARTAWAN: Dalam tempoh kurang sedekad, Malaysia berubah daripada Negara Dunia Ketiga yang menyediakan tenaga buruh murah dan bahan mentah kepada sebuah negara yang mengalami pertumbuhan ekonomi paling pantas di dunia. Walaupun ia bermula

lambat — satu tahun ter-kebelakang daripada negara perintis ekonomi di rantau ini, iaitu Jepun dan Taiwan, dan di sebalik kepelbagaian agama dan kaum, serta kritikan Barat, suasana politik dan ekonomi Malaysia tetap stabil. Jika ia dapat mengekalkan kadar pertumbuhan sekarang, bukan sahaja Malaysia mampu mencapai wawasan pembangunan sepenuhnya menjelang tahun 2020, malah boleh mengalahkannya Barat bersama pemulihan ekonomi di rantau ini.

Dr Mahathir menamakannya Wawasan 2020, formula mudah yang diketahui oleh semua orang hampir sama dengan idea Barat tetapi tanpa nilai-nilai Barat. Dengan prospek ekonomi seperti itu, nilai-nilai Barat memang sukar dibendung. Hollywood diimport setiap malam ke Dataran Merdeka menerusi tv besar. Kebanyakan Melayu sering datang ke sini. Amat jarang melihat kaum Cina ke sini. Mereka golongan minoriti tetapi lebih kaya. Bersama kaum India, ketiga-tiga kaum ini berupaya meningkatkan taraf sebagaimana berkembangnya pertumbuhan ekonomi lebih daripada lapan peratus setahun untuk tempoh lima tahun ke belakang ini. Tetapi semua itu ada harganya.

Malaysia ialah negara authoritarian yang mengutamakan keamanan dan kestabilan daripada kebebasan sivil. Media massa dikawal dengan ketat. Parabola satelit dan saluran luar dilarang keras. Polis boleh menghalang dan menyiasat. Mereka yang dianggap musuh negara boleh ditahan tanpa bicara. Menurut Pertubuhan Hak Asasi Antarabangsa, pada masa ini tidak kurang daripada 105 orang ditahan dengan cara ini. Dr Mahathir sendiri mengakui Malaysia adalah 'big brother state'.

DR MAHATHIR: Jika tidak menjadi hal kepada anda, kami memberitahu rakyat ini adalah yang bagus dan ini adalah yang buruk dan ini yang patut anda lakukan dan terima dan ini perkara yang tidak sepatutnya dilakukan. Dalam pada itu kerajaan

juga memberi banyak panduan, kebanyakan rakyat akan memanggilnya sebagai 'a big brother'. Lihat Barat sekarang, anda telah mengambil idea kebebasan sepenuhnya sehingga ia benar-benar merosakkan masyarakat. Maka ini adalah perkara yang kita tidak mahu lihat berlaku di sini.

WARTAWAN: Dari kediamannya, Dr Mahathir melihat kemajuan Kuala Lumpur, hasil 12 tahun usaha gigihnya. Pelbagai hasil diperolehi berikutan dasar menarik dan memberi ganjaran kepada pelabur. Perbelanjaan awam hanya digunakan untuk pelaburan jangka panjang negara, iaitu kemudahan asas, kesihatan, pendidikan serta latihan dan tidak dalam bentuk 'dole' atau skim persaraan.

Pengeluaran barangan elektronik mikro teknologi tertinggi seperti Texas Instrument datang ke sini 20 tahun lalu kerana tertarik dengan tenaga buruh murah dan kos pengeluaran yang rendah. Hari ini kemahiran tenaga kerja itu mengatasi negara lain dan negara membangun yang kecil ini menjadi pengeluaran utama barangan semikonduktor di dunia. Tahun ini pertumbuhan syarikat adalah tiga kali lebih ganda daripada yang dihasilkan oleh syarikat negara Eropah. Ini dapat dilakukan kerana upah di Malaysia masih lagi rendah, dan jurang kemahiran dan teknologi berupaya dikurangkan.

JERRY LEE (Pengarah Urusan Texas Instrument Malaysia): Bandingkan mereka dengan mana-mana syarikat lain di dunia dan anda dapati mereka adalah antara yang terbaik. Rakyat di sini berminat dan berkebolehan. Itu memudahkan kita melakukan kerja.

WARTAWAN: Jadi anda beranggapan mereka akan maju sebaris dengan Eropah dan Amerika atau Eropah dan Amerika Syarikat akan maju setapak lagi?

JERRY LEE: Jurang perbezaan itu akan terhapus jika Amerika dan Eropah tidak mempedulikan hakikat itu. Jadi Amerika dan Eropah perlu menilai ke-

majuan itu dan bebruat sesuatu.

WARTAWAN: Sekiranya kerja berpindah ke timur, barangkali negara-negara maju harus menimbang cara penyelesaian Dr Mahathir.

DR MAHATHIR: Mereka mesti merendahkan taraf hidup kepada tahap yang mereka mampu dan kemudian berusaha semula untuk bersaing. Contohnya, bayaran kepada penganggur di UK amat tinggi sehinggakan anda tidak boleh membayar gaji lebih rendah daripada itu. Disebabkan anda tidak boleh melakukannya, anda tidak menjadi kompetitif. Tiada siapa mahu melabur di situ, termasuk masyarakat Eropah sendiri. Mereka lebih suka melabur di Malaysia kerana kami bekerja lebih masa dan dibayar gaji lebih rendah. Dulunya, ketika anda mempunyai monopoli teknologi dan kemahiran, anda mampu membayar gaji yang tinggi. Tetapi kini anda perlu bersaing dan apabila anda membayar gaji yang tinggi kepada pekerja yang tidak produktif, anda tidak menjadi kompetitif. Dan anda tidak boleh melakukan pelbagai sekatan terhadap kami.

WARTAWAN: Bagi Dr Mahathir, mengekalkan kestabilan kaum dan kesinambungan langkah-langkah sekatan, yang dikritik oleh Barat sebagai anak kunci kejayaan.

DR MAHATHIR: Kita adalah masyarakat yang berbilang kaum. Dan dalam masyarakat berbilang kaum, sekiranya anda membenarkan orang membuat kekacauan, anda akan menyaksikan pertumpahan darah. Anda sudah melihat pertumpahan darah di kebanyakan negara. Adalah tidak munasabah jika kita berkata: "Ah, mereka saling berbunuhan kerana mereka cintakan kebebasan, mereka sayangkan demokrasi". Apa makna demokrasi jika anda akan dibunuh. Di Malaysia, kami mengalami kekacauan yang buruk pada 1969 apabila rakyat berbunuhan dan membakar rumah dan kereta. Kami tidak mahu itu berulang. Dan jika untuk mencegahnya kita perlu mengena-

kan sedikit sekatan kepada media massa, sebagai contoh, kita beritahu akhbar: "Jika anda cuba mencetuskan sentimen perkauman, kami akan itup akhbar anda".

JERRY LEE: Apabilanda bercakap mengenai perkara yang berkaitan dengan pelaburan, anda mesti mendapat jaminan untuk jangka masa panjang mengenai perkara itu termasuk kestabilan politik kestabilan kewangan dan saya fikir Malaysia mempunyai semua yang ikehendaki itu.

WARTAWAN: Bag Dr Mahathir, kurangnya pelaburan yang ada di luar sekarang mungkin kerana hilangnya semua itu.

DR MAHATHIR: And sudah hilang semua ilai itu. Anda membuan semua nilai yang diwisi dan menggantikannya dengan idea bahawa semua orang mempunyai kebebasan mutlak. Sebearnya, semuanya tidak boleh mutlak. Semuanya perlu ada had.

WARTAWAN: Di Malaysia, selepas sembahyang Jumaat, orang Islam yang kaya terpaksa menghidapi kesesakan lalu lintas di dalam kereta mewah yang diimport menuju ke Masjid Negara. Mereka pula berterima kasih kema keadaan ekonomi di negara membangun langkah-langkah sekatan, yang dikritik oleh Barat sebagai anak kunci kejayaan.

PENYAMPAL: Apa pandangan Tim Sainsbury (Menteri Industri) mengenai Wawasan 2020.

TIM SAINSBURY: Bas, saya rasa ia idea yang baik yang membabit masalah pengeluaran. Dan saya kagum bahawa program yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Industri Pilihan dan perdagangan dan yang juga turut memberikan perhatian serius terhadap industri Britain.

PENYAMPAL: Saya ia jawapan anda tidak mepati soalan itu. Karl W

Mahathir dianggap pemimpin berwawasan

15/10/93 10:30

DARI MUKA 10

kin (Pengerusi Kumpulan Crabtree), bolehkah anda jelaskan apa yang boleh kita pelajari daripada pengalaman Malaysia.

KARL WATKIN: Saya berpendapat Dr Mahathir sudah melakukannya. Negara itu mempunyai wawasan serta matlamat dan lebih komited kepada ekonomi yang berasaskan pengeluaran dan pembinaan. Saya fikir kita tidak ada wawasan atau matlamat dalam industri di negara ini. Hakikatnya kita perlu ada arah dan rakyat perlu bertanggungjawab ke arah usaha itu dan tidak semestinya mengharap kerajaan sematamata dan tidak juga meletakkan tanggungjawab itu sematamata kepada Sainsbury. Mereka yang menyaksikan rancangan ini juga perlu bersamasama menjayakan program itu.

Sejak kebelakangan ini, rakyat United Kingdom seolah-olah kelihatan malas. Sejak 30 tahun yang lalu kita kehilangan 50 peratus dalam perdagangan antarabangsa dan sebabnya ialah rakyat tidak kisah dan tidak mengambil usaha yang wajar. Dan kita juga mendapati kerajaan juga tidak mengambil langkah yang sepatutnya ke arah usaha itu. Oleh sebab itu negara ini tidak mempunyai wawasan dan kepemimpinan yang membentuk ke arah pengeluaran untuk eksport. Ini kerana eksport dan pengeluaran adalah satu-satunya jalan yang boleh membantu memajukan negara atau sebaliknya mutu hidup seperti yang dikatakan oleh Dr Mahathir. Dan saya tidak mahu melihat ini menimpa saya atau anak saya.

PENYAMPAI: Roger Lyons, (Setiausaha Agung Kesatuan Perdagangan MSP), apa pengajaran yang anda perolehi daripada kenyataan Dr Mahathir.

ROGER LYONS: Ya, sebahagian daripada kita sudah memulakan kempen pengeluaran beberapa tahun lalu dan kita mahu melihat bahawa pembahagian yang berterusan daripada kerajaan, industri dan pekerja yang bergabung tenaga dalam menggerakkan Britain ke arah negara pengeluaran eksport.

Tetapi laporan dari Malaysia ini agak mengejutkan. Sejak dua dekad lalu, Malaysia sentiasa mengkritik pertubuhan buruh antarabangsa berkenaan dengan hak asasi manusia, dan hak pertubuhan perdagangan juga dilarang. Kesatuan Perdagangan dilarang dalam industri elektronik tahun lalu, pertubuhan buruh antarabangsa mengenal pasti desakan yang paling hebat setakat ini.

PENYAMPAI: Mungkin, disebabkan perkara itu produktiviti mereka bertambah baik.

ROGER LYONS: Ya, Musolini juga dapat memastikan kereta api mesti tepat tiba pada masanya dan kita tidak pernah membantah dia mampu mengambil alih landasan British.

PENYAMPAI: Mari kita lihat kepada persoalannya, dan selepas itu melihat cara yang digunakan dan sebagai Perdana Menteri beliau mengaitkan secara langsung hubungan di antara pertumbuhan ekonomi dan kebebasan politik. Apakah pandangan anda Tim Sainsbury, apabila dikatakan bahawa Britain perlu mengurangkan taraf hidup untuk menjadikannya lebih bersaing.

TIM SAINSBURY: Ya, saya tidak mahu menghakimi atas apa yang dipertanyakan oleh Mahathir tetapi saya...

PENYAMPAI: Dia sudah menghakimi kita.

TIM SAINSBURY: Ya. Itu adalah haknya, tetapi apa yang saya tahu kita perlu bersedia mempelajari daripada orang lain dan sesuatu daripadanya ialah kita tidak boleh berdiam diri sedangkan pesaing kita terus melangkah maju ke hadapan. Oleh itu anda mesti bergerak pantas jika anda mahu meningkatkan produktiviti atau pengeluaran. Ini akan mewujudkan kekayaan untuk kepentingan negara keseluruhannya.

ROGER LYONS: Malaysia mengenal pasti beberapa sektor industri yang ingin dipelopori dan seterusnya menjadi juara. Kerajaan kita pula berkata, ia tidak mahu memilih juara. Saya tidak fikir ia menjadi tugas kerajaan untuk memilih kerana kerajaan telah menyediakan peluang yang membolehkan kemunculan juara. Sema-

lam, Sainsbury membuat kenyataan, menerusi jabatannya kepada Jawatan Kuasa Pemilihan mengenai Perdagangan dan Industri, menyatakan bahawa latihan dan penguasaan kita tidak cekap. Itulah dua aspek yang perlu kita perbaiki dan terus bersaing secara lebih berkesan.

PENYAMPAI: Sainsbury, wujud perbezaan di antara Malaysia dan di sini dan ia satu kegagalan, mungkin, semua kita dan yang pasti kegagalan kalangan orang politik negara ini yang mengambil kira kepentingan jangka pendek. Tiada seorangpun di negara ini yang memandang ke tahun 2020 dengan idea bagaimana Britain pada waktu itu. Adakah orang berpandangan jauh sedemikian?

TIM SAINSBURY: Saya berpendapat kita mengambil pandangan jangka panjang di Jabatan Perdagangan dan Industri sekarang dan kita melihat kepada faktor yang akan membantu industri berkembang maju serta menghadapi persaingan dunia masakini. Sekarang saya berpendapat kita tahu dan mengakui bahawa pada 1960-an dan 1970-an, juga mungkin sedikit masa dulu, industri dan perniagaan British mengalami zaman kemerosotan. Kita tidak mencapai kemajuan membanggakan berbanding pesaing, boleh dikatakan kita di bawah sekali. Negara lain telahpun melepasi kita. Dalam tahun 1980-an, produktiviti sektor pembuatan berkembang dengan pesat berbanding negara utama di Eropah.

ROGER LYONS: Kita mempunyai asas pembuatan yang kerajaan berusaha memajukan kerana ia mulai menurun. Sebagai contoh, Sainsbury gagal menyelesaikan masalah Swan Hunters. Ia membiarkan Leyland Daf berkecai dan cuba mencantumkannya sendiri tanpa banyak bantuan berbanding Dutch, sebagai contoh. Kita bukan membangunkan sektor pembuatan, kita sebenarnya menyaksikannya berkecai. Adakah keganjilan kenapa kita mendapat kritikan, sungguhpun kritikan nakal, dari Malaysia? Apa yang kita perlu adalah visi dan strategi pembuatan.